

**MOHD SHAZWAN** Mokhtar  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **PERANAN JABATAN PERTANIAN DAN DIVERSITI PERTANIAN KOLONIAL DI TANAH MELAYU, 1920-1938**

### ***ROLE OF AGRICULTURE DEPARTMENT AND COLONIAL AGRICULTURE DIVERSITY IN MALAYA, 1920-1938***

*Selepas Perang Dunia Pertama, British memerlukan bekalan bahan mentah yang murah untuk memastikan sektor perindustrian di negara induk terus beroperasi. Justeru, dasar ekonomi imperial yang dilaksanakan di tanah jajahan mengakibatkan kegiatan ekonomi kolonial subordinat kepada metropolitan. Berdasarkan perkembangan tersebut, artikel ini menganalisis bentuk kawalan metropolitan terhadap sektor pertanian Tanah Melayu melalui peranan yang dimainkan Jabatan Pertanian. Impak kawalan ini dinilai berdasarkan diversiti pertanian kolonial yang kemudiannya membawa kepada perkembangan tanaman tropika lain selain getah. Perkembangan sawit, kelapa dan teh sebagai tanaman komersial adalah dipengaruhi permintaan tinggi dalam pasaran empayar khususnya di London. Kajian ini menggunakan rekod CO 717 dan 576 bagi membuktikan kawalan metropolitan terhadap operasi Jabatan Pertanian, manakala laporan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digunakan bagi menganalisis kesan diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu. Kajian ini mendapati, diversiti pertanian kolonial lebih dominan di NNMB yang merupakan pengeksport utama komoditi tropika dari Tanah Melayu. Oleh sebab itu, British hanya menggabungkan pentadbiran Jabatan Pertanian NNMB dengan Negeri-Negeri Selat memandangkan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu hanya menerima perkhidmatan Jabatan Pertanian dari NNMB. Sungguhpun Jabatan Pertanian berperanan penting dalam melaksanakan penyelidikan pertanian, hasil perkembangan pertanian komersial hanya didominasi oleh peladang Eropah.*

**Kata kunci:** Sejarah ekonomi, produk tropika, sawit, kelapa, teh

*After the First World War, the British needed a cheap supply of raw materials to support the mother country's industry sector keeps operating. Hence, the imperial economic policy was implemented in the colonies which caused the colonial economic activities to be subordinated to the metropolitan. Following this development, this article analyses the form of metropolitan control over Malaya's*

*agricultural sector through the role played by the Department of Agriculture. The impact of this control is assessed based on the diversity of colonial agriculture that then leads to the development of tropical crops besides rubber. The development of oil palm, coconut and tea as commercial crops is influenced by high demand in the empire market, especially in London. This study uses CO 717 and 576 records to prove metropolitan control over the Department of Agriculture's operations, while the Federated Malay States (FMS) report is used to analyse the impact of colonial agricultural diversity in Malaya. This study found that colonial agricultural diversity is more dominant in the FMS which is the major exporter of tropical commodities from Malaya. For this reason, the British only combined the administration of the FMS' Agriculture Department with the Straits Settlements, whereas the Unfederated Malay States only received the services of the Department of Agriculture from the FMS. Although the Department of Agriculture plays a significant role in carrying out agriculture research, the outcome of the development of commercial agriculture was only dominated by European planters.*

**Keywords:** Economic history, tropical product, palm oil, coconut, tea

## Pengenalan

Sejak akhir abad ke-19, neomerkantilisme mempengaruhi dasar ekonomi imperial yang menjadikan tanah jajahan sebagai sumber bahan mentah untuk pembangunan industri pembuatan di United Kingdom. Asas bagi dasar ini ialah melibatkan tindakan British membangunkan ekonomi eksport sebagai sektor primer di tanah jajahan.<sup>1</sup> Pada tahun 1897, Joseph Chamberlain, Setiausaha Kolonial menjelaskan matlamat dasar ekonomi tersebut dalam pentadbiran kolonial di tanah jajahan sebagai, ‘*the colonies were valued and maintained because it was thought that they would be source of profit of direct profit to the mother country*’.<sup>2</sup> Dalam erti kata lain, menurut Chamberlain, kerajaan British merupakan ‘*landlord*’ kepada tanah jajahan yang merupakan estet pertanian milik British.<sup>3</sup> Hal ini demikian kerana, sejak revolusi industri kedua iaitu pada tahun 1870, ekonomi United Kingdom berkembang dengan sektor pembuatan dan bukannya menjadikan sektor pertanian sebagai sektor utama dalam struktur ekonominya.<sup>4</sup> Oleh sebab itu, sejak tahun 1900, ekonomi Tanah Melayu berkembang dengan industri timah dan getah sebagai sektor utama yang turut disokong dengan sektor perdagangan serta komersial.<sup>5</sup>

Dasar ekonomi imperial oleh Chamberlain lebih dominan dilaksanakan sejak tahun 1925. Hal ini demikian kerana, autonomi yang dimiliki Dominion<sup>6</sup> mengawal aktiviti ekonominya sendiri tanpa monopolii British. Justeru, Pejabat Kolonial mula mengawal ekonomi tanah jajahan lain

dengan lebih ketat melalui pelaksanaan dasar Chamberlain yang juga dikenali sebagai ‘*Chamberlainite*’.<sup>7</sup> Kesan penting pelaksanaan dasar tersebut di Tanah Melayu ialah pengukuhan Jabatan Pertanian yang merupakan alat kawalan British bagi membangunkan pertanian kolonial. Melalui pembangunan pertanian kolonial tersebut berlakunya diversiti tanaman komersial yang tidak lagi menjadikan getah sebagai hasil pengeluaran utama. Sawit, kelapa dan teh mula berkembang sebagai tanaman komersial berskala besar yang mana hasil pengeluarannya dieksport bagi memenuhi permintaan pasaran empayar.

Namun, perkembangan diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu tersebut masih kurang diteliti oleh pengkaji sejarah ekonomi. Sungguhpun begitu, Jomo K.S. mendapati struktur ekonomi kolonial mengakibatkan kesan jangka panjang ketaksamaan pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri Melayu di Pantai Barat dengan Pantai Timur. Begitu juga dengan ketaksamaan pembangunan infrastruktur yang lebih dominan di Pantai Barat.<sup>8</sup> Bagaimanapun, berdasarkan analisis awal oleh J.H. Drabble, ketika era antara perang, pentadbiran kolonial mula membangunkan jaringan kereta api di Pantai Timur khususnya di Kota Bahru pada tahun 1931. Malahan, Kedah dan Johor turut mengalami proses pembangunan sama di samping NNMB. Perkembangan pembangunan jaringan kereta api ini turut melibatkan pembangunan bekalan tenaga elektrik untuk sektor perindustrian. Situasi ini sebenarnya berlaku disebabkan kemasukan aliran modal terhadap ekonomi eksport yang merupakan tunjang struktur ekonomi kolonial di Tanah Melayu.<sup>9</sup> Sejak akhir abad ke-19 lagi, British menggunakan pentadbiran kolonial untuk mengkoordinasi aliran modal bagi pembangunan tropika di negeri-negeri Melayu. Tujuannya adalah untuk memenuhi permintaan dalam pasaran Eropah di samping penggunaan tempatan.<sup>10</sup> Sungguhpun begitu, tumpuan kajian awal terbatas dalam kerangka perkembangan peladangan getah dan industri timah.<sup>11</sup>

Artikel ini berhujah diversiti pertanian kolonial yang berlaku di Tanah Melayu bukanlah disebabkan usaha British untuk mengingkatkan hasil pendapatan pada peringkat negeri.<sup>12</sup> Terdahulu J.H. Drabble telah menjelaskan kawalan metropolitan terhadap diversiti pertanian kolonial hanya untuk memenuhi permintaan dalam pasaran industri pembuatan.<sup>13</sup> Perubahan dasar fiskal yang dilaksanakan oleh British sejak pelaksanaan dasar keutamaan imperial merupakan langkah yang digunakan bagi mengatasi masalah penguncutan hasil pendapatan negeri.<sup>14</sup> Bagi membuktikan kawalan British terhadap diversiti pertanian kolonial, artikel ini menganalisis peranan Jabatan Pertanian. Seterusnya, artikel ini turut meneliti perkembangan tanaman sawit, kelapa dan teh yang muncul sebagai antara pertanian komersial utama di Tanah Melayu.

## **Dasar Pembangunan Pertanian Tropika**

Menjelang tahun 1920-an, kerajaan British melaksanakan dasar pembangunan pertanian tropika dengan matlamat serampang dua mata iaitu, mendapatkan bekalan bahan mentah yang murah dan menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat Britain melalui pembangunan ekonomi di tanah jajahan.<sup>15</sup> Justeru, sejak tahun 1920, kerajaan British memberi perhatian terhadap usaha meningkatkan kapasiti tanah jajahan supaya eksplorasi hasil pengeluaran bahan mentah dapat ditingkatkan.<sup>16</sup> Kesannya, menurut P. Lloyd-Greame, Setiausaha Perdagangan Antarabangsa British, pengusaha dan pedagang British dapat menguasai pasaran ekonomi negara daripada monopolii peniaga dan pedagang asing. Bekalan bahan mentah dari tanah jajahan tropika membolehkan British untuk tidak bergantung dengan import dari negara asing yang mempunyai kadar cukai yang tinggi.<sup>17</sup> Pengaruh penting dasar ini terhadap perkembangan struktur ekonomi kolonial di Tanah Melayu ialah penguahan peranan negeri-negeri Melayu sebagai pembekal bahan mentah utama empayar.<sup>18</sup> Oleh sebab itu, sejak tahun 1925 berlaku perubahan struktur pentadbiran kolonial di Tanah Melayu yang memberikan British kuasa pentadbiran terpusat. Termasuklah struktur pentadbiran Jabatan Pertanian yang merupakan mekanisme utama dalam melaksanakan pembangunan tanaman tropika di Tanah Melayu. Melalui pentadbiran Jabatan Pertanian yang terpusat, British dapat memastikan dasar pembangunan tanaman tropika dilaksanakan dengan berkesan di seluruh Tanah Melayu.<sup>19</sup>

Pelaksanaan dasar pembangunan tropika melibatkan dua langkah utama. Pertamanya, penyusunan semula pentadbiran Jabatan Pertanian di seluruh tanah jajahan. Tujuannya adalah untuk melantik saintis atau pakar pertanian sebagai pentadbir bagi memastikan penyelidikan saintifik tropika dilakukan dengan berkesan. Selain itu, Pejabat Kolonial mahu struktur pentadbiran Jabatan Pertanian seragam bagi memudahkan kawalan secara terpusat di London.<sup>20</sup> Kedua, pelaksanaan dasar pembangunan tropika turut meningkatkan keupayaan Jabatan Pertanian dalam melakukan penyelidikan saintifik supaya hasil pengeluaran produk tropika dapat ditingkatkan. Seperti Nigeria dan Tanganyika, Jabatan Pertanian di Tanah Melayu juga mengalami masalah kekurangan tenaga pakar bagi mengoperasikan dasar pembangunan tropika.<sup>21</sup> Justeru, Pejabat Kolonial telah mengkoordinasi perkhidmatan entomologi dan mikologi dalam struktur baharu pentadbiran Jabatan Pertanian di Tanah Melayu seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 1.<sup>22</sup>

Kepentingan koordinasi perkhidmatan entomologi, mikologi, botani dan bahagian Jabatan Pertanian yang lain adalah merupakan strategi British untuk meningkatkan keupayaan pertanian di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, sebelum tahun 1926 majoriti anggota perkhidmatan Jabatan Pertanian di Tanah Melayu didominasi oleh pegawai bukan pakar.<sup>23</sup> Kepentingan pelantikan saintis dalam Jabatan Pertanian adalah untuk membolehkan British

bersaing dengan kegiatan penyelidikan dan pembangunan pertanian tropika oleh Belanda di kepulauan Jawa.<sup>24</sup> Tambahan lagi, golongan saintis diperlukan oleh Jabatan Pertanian bagi memastikan arahan Pejabat Kolonial supaya pembangunan tanaman sawit, kelapa, teh dan kopi dapat dilaksanakan di Tanah Melayu.<sup>25</sup>

Pada peringkat metropolitan, Jawatankuasa Ekonomi Imperial (JEI) yang ditubuhkan pada tahun 1923 berperanan untuk mengkoordinasi aktiviti pemasaran dan mengenalpasti sumber bahan mentah serta produk makanan yang diperlukan dalam pasaran empayar.<sup>26</sup> Antara komoditi yang menjadi keutamaan ialah daging, buah-buahan, produk tenusu, ikan dan tembakau. Pada tahun 1925, JEI berpandangan Tanah Melayu mempunyai potensi bagi pembangunan tanaman tropika iaitu sawit dan kelapa yang mana ekstrak minyaknya mendapat permintaan tinggi dalam pasaran pengguna di United Kingdom.<sup>27</sup> Galakan JEI bagi pembangunan tanaman sawit dan kelapa serta tanaman tropika lain seterusnya mengakibatkan perkembangan diversiti tanaman tropika komersial di Tanah Melayu. Selain itu, galakkan tanaman nanas turut diberikan dengan tujuan menghasilkan produk makanan yang murah dan berkualiti bagi menyaingi produk sama yang dihasilkan Amerika Syarikat. Prestasi perdagangan produk nanas Tanah Melayu ke United Kingdom mengalami peningkatan kepada \$5 juta pada tahun 1923 berbanding \$2.8 juta pada tahun 1919. Pola perdagangan ini menjadi indikator penting wujudnya peningkatan permintaan produk tersebut dalam pasaran United Kingdom.<sup>28</sup> Di samping itu, reputasi produk sawit dari Tanah Melayu yang mempunyai kualiti tinggi turut mempengaruhi keputusan JEI untuk menggalakkan tanaman sawit yang lebih luas di Tanah Melayu. Ciri kualiti signifikan yang dimiliki produk sawit dari Tanah Melayu ialah kadar asid lemak yang rendah. Oleh sebab itu, nilai pasaran minyak sawit Tanah Melayu adalah tinggi iaitu sekitar £4 hingga £5 juta sepaun.<sup>29</sup>

Penggubalan dasar pembangunan produk tropika pada tahun 1923 turut mempengaruhi peranan Tanah Melayu sebagai pembekal bahan mentah empayar. Dalam Persidangan Imperial 1923, kerajaan British mula menggalakkan pembangunan produk tropika khususnya produk makanan berasaskan buah.<sup>30</sup> Sungguhpun begitu, karya awal lebih memberi tumpuan terhadap isu kejatuhan harga pasaran getah dan langkah Sekatan Stevenson bagi menstabilkan harga getah.<sup>31</sup> Alasan ini juga sering digunakan bagi menjelaskan sebab kerajaan kolonial di Tanah Melayu mula menggalakkan penanaman padi dan kelapa dalam kalangan petani tempatan.<sup>32</sup> Bagaimanapun, kejatuhan harga pasaran getah bukanlah faktor utama pembangunan tanaman tropika lain di Tanah Melayu. Kerajaan NNMB terus melakukan eksloitasi getah dan timah walaupun harga pasaran kedua-dua komoditi tersebut merosot melalui satu lagi pinjaman berjumlah \$15 juta dari kerajaan NNS. Menjelaskan justifikasi pinjaman ini kepada Pejabat Kolonial, Laurence Guillemand, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu menjelaskan adalah

penting kerajaan NNMB mendapatkan pinjaman tersebut bagi menyokong pembangunan fasiliti, khususnya landasan kereta api supaya hasil pengeluaran getah dan timah dapat diteruskan.<sup>33</sup> Kejatuhan harga pasaran getah dan timah di Tanah Melayu memberi kelebihan kepada sektor perindustrian British yang memerlukan bekalan bahan mentah yang murah dari tanah jajahan.<sup>34</sup>

Berbalik kepada isu pembangunan tanaman tropika selain getah di Tanah Melayu. Seperti yang dijelaskan kerajaan British dalam Persidangan Imperial 1922, kepentingan bekalan mentah yang murah merupakan satu bentuk pelindungan ekonomi United Kingdom daripada persaingan negara Eropah yang lain. Hal ini demikian kerana, kebergantungan United Kingdom dengan bahan mentah dari Eropah merugikan pedagang dan sektor perindustriannya yang perlu menampung kos eksport yang tinggi.<sup>35</sup> Justeru, bagi mencapai matlamat ekonomi imperial ini kerajaan British meneruskan dasar pendanaan imperial bagi menyokong pembangunan produk tropika di seluruh empayarnya.<sup>36</sup> Kepentingan pendanaan imperial terhadap pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu adalah disebabkan krisis kewangan yang dihadapi kerajaan kolonial bagi membangunkan tanaman atau hasil pembuatan baharu.<sup>37</sup> Antara kesan awal dasar ini di Tanah Melayu ialah penubuhan Syarikat ‘*Malayan Matches Ltd.*’ sebagai industri kolonial baharu yang menggunakan bahan kayu tempatan. Selain itu, Pejabat Kolonial turut menggalakkan penubuhan industri pembuatan porselin, tali dan bahan getah. Sementara itu, syarikat pembuatan simen turut ditubuhkan di Kuala Lumpur dengan kapasiti hasil pengeluaran sebanyak 7 ribu tan setahun. Sungguhpun begitu, struktur ekonomi kolonial yang menjadikan getah dan timah sebagai sektor primer tidak berubah dan dikekalkan oleh British.<sup>38</sup>


## Peranan Jabatan Pertanian

Kawalan Pejabat Kolonial terhadap pentadbiran Jabatan Pertanian Tanah Melayu merupakan strategi yang dilaksanakan oleh British supaya dasar pembangunan produk tropika dapat dilaksanakan dengan meluas di Tanah Melayu. Pada tahun 1927, Persidangan Pertanian Imperial telah membuat keputusan supaya pentadbiran Jabatan Pertanian di Tanah Melayu di pusatkan. Hal ini demikian kerana, pentadbiran Jabatan Pertanian sebelumnya dipisahkan antara NNMB dengan NNS.<sup>39</sup> Bagaimanapun, proses pemusatan tersebut berlaku dalam dua fasa. Fasa pertama ialah melalui desentralisasi kuasa di NNMB apabila setiausaha pertanian di lantik bagi mentadbir Jabatan Pertanian pada peringkat persekutuan. Pada masa yang sama, setiausaha tersebut menjawat jawatan Pengarah Jabatan Pertanian di NNS.<sup>40</sup> Namun, disebabkan masalah untuk mengkoordinasi pentadbiran antara Jabatan Pertanian NNMB dengan NNS, maka fasa pemusatan yang kedua dilakukan pada tahun 1929. Perubahan pentadbiran Jabatan Pertanian hanya melibatkan NNMB apabila jawatan setiausaha digantikan dengan Pengarah. Perubahan yang dilakukan

ini bertujuan memberikan British kuasa berkanun untuk mentadbir Jabatan Pertanian NNMB dengan seragam seperti di NNS.<sup>41</sup> Perubahan pada tahun 1929 ini juga membolehkan British yang berpusat di Singapura mengawal keseluruhan pentadbiran pertanian di Tanah Melayu kerana Jabatan Pertanian NNMB turut mempunyai stesen dan pusat penyelidikan di NNMTB.

Rajah 1 memaparkan struktur pentadbiran Jabatan Pertanian di Tanah Melayu sejak tahun 1929. Pengarah Jabatan Pertanian mempunyai kuasa kawalan terhadap lima bahagian pentadbiran utama. Namun, sejak tahun 1926, Jabatan Pertanian tidak lagi melakukan penyelidikan khusus bagi penanaman getah kerana fungsi tersebut diambil alih oleh Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu yang ditubuhkan pada tahun yang sama.<sup>42</sup> Penubuhan Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu bertujuan membantu golongan peladang dan firma berkaitan getah untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Bagi mencapai matlamat tersebut, Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu melaksanakan penyelidikan saintifik untuk mengatasi masalah penyakit tropika yang menular terhadap pokok getah. Pada peringkat awal operasinya, institut ini ditadbir oleh seorang pengarah dan 18 orang pegawai. Kerajaan NNMB telah menyediakan tanah seluas 2,000 ekar di Sungai Buluh sebagai pusat operasi institut tersebut.<sup>43</sup>

Walaupun operasi penyelidikan getah dipisahkan daripada Jabatan Pertanian, pihak jabatan tetap mempunyai bidang kuasa kawalan getah melalui Bahagian Pertanian Getah. Sementara, Bahagian Pertanian memberi tumpuan terhadap tanaman komersial tropika yang lain. Kepentingan bahagian ini adalah untuk menyediakan bekalan tanaman lain yang mendapat permintaan pasaran ketika kejatuhan harga pasaran getah kepada petani dan peladang.<sup>44</sup> Jabatan Pertanian juga menempatkan Pegawai Lapangan di stesen penyelidikan kecil pada peringkat negeri dalam persekutuan dan di NNS. Sementara itu, seorang Inspektor Pertanian ditempatkan di Johor yang merupakan pusat penanaman sawit dan nanas berskala besar.<sup>45</sup> Kesemua bahagian Jabatan Pertanian mempunyai peranan dalam melaksanakan propaganda pertanian di seluruh Tanah Melayu. Tujuannya adalah untuk mempengaruhi penduduk tempatan untuk membangunkan ekonomi pertanian selaras dengan matlamat dasar pembangunan produk tropika British.<sup>46</sup>



Rajah 1: Struktur Pentadbiran Jabatan Pertanian Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tahun 1929  
Sumber: Department of Agriculture FMS & SS Organisation, The Malayan Agricultural Journal, Vol. XVII, No. 1, 1929.

Berdasarkan struktur pentadbiran dalam Rajah 1 juga, Jabatan Pertanian merupakan mekanisme imperial British bagi mengawal keseluruhan kegiatan pertanian komersial di Tanah Melayu. Bermula dengan pembentukan pusat penyelidikan pertanian di Serdang, Selangor, kegiatan penyelidikan dikembangkan ke utara apabila pusat yang sama juga dibuka di Taiping, Perak. Selain itu, pusat penyelidikan padi turut dibuka di Pulau Gadong, Melaka, Titi Serong, Talang dan Bota di Perak serta stesen Dong di Pahang.<sup>47</sup> Walau bagaimanapun, pusat penanaman nanas di Pantai Barat hanya berpusat di Klang, Selangor dan British hanya menjadikan Johor sebagai pusat penanaman nanas utama.<sup>48</sup> Pembukaan pusat-pusat penyelidikan pertanian tersebut membolehkan Jabatan Pertanian meningkatkan kemampuan negeri-negeri Melayu untuk menanam tanaman komersial selain getah.<sup>49</sup> Pada masa yang sama, melalui perkembangan pusat penyelidikan saintifik pertanian British dapat mewujudkan peluang pekerjaan bagi warga Eropah.<sup>50</sup> Misalnya, pada tahun 1928, terdapat 43 orang pegawai Eropah yang bertugas di Jabatan Pertanian, 30 orang daripadanya bertugas sebagai pegawai penyelidik, manakala 12 orang sebagai pegawai lapangan.<sup>51</sup> Bilangan ini meningkat pada tahun 1932 kepada 50 orang termasuk Pengarah Pertanian. 28 orang daripadanya bertugas sebagai pegawai penyelidik, 15 orang sebagai pegawai lapangan, tiga orang bertugas di cawangan latihan dan tiga orang lagi di cawangan ekonomi.<sup>52</sup>

Jabatan Pertanian turut berperanan membuka stesen penyelidikan pertanian lain hampir di setiap negeri-negeri di Tanah Melayu. Pada tahun 1927, sebanyak \$139,150 dibelanjakan kerajaan NNMB untuk menampung kos operasi kesemua pusat dan stesen penyelidikan yang dioperasikan Jabatan Pertanian.<sup>53</sup> Antaranya, stesen penyelidikan Klang dan Pulau Carey di Selangor yang mengkaji kaedah penanaman kelapa dan pembasmian serangga perosak seperti '*Setora nitens*' dan '*Oryctes rhinoceros*'.<sup>54</sup> Hasil penyelidikan di Selangor ini kemudiannya mempengaruhi perkembangan industri berasaskan kelapa yang dominan di Johor dan Kelantan dengan jumlah kawalan penanaman kelapa sebanyak 222,321 ekar pada tahun 1930 berbanding 239,730 ekar pada tahun yang sama di NNMB.<sup>55</sup> Kepentingan tanaman kelapa terhadap kepentingan ekonomi kolonial ialah wujudnya permintaan minyak kelapa dalam pasaran United Kingdom dalam industri pembuatan makanan.<sup>56</sup>

Jabatan Pertanian turut membuka stesen penyelidikan padi utama di Titi Serong, Krian yang memberi tumpuan terhadap penghasilan benih padi berkualiti tinggi.<sup>57</sup> Stesen penyelidikan padi lain yang ditubuhkan ialah di Glugor, Pulau Pinang, Bukit Merah dan Lenggong di Perak, Alor Gajah dan Pulau Gadong di Melaka serta Telok Chenghai di Kedah.<sup>58</sup> Walau bagaimanapun, kebanyakan stesen penyelidikan di luar NNMB hanya memberi tumpuan terhadap usaha menyediakan benih tanaman bagi menggalakkan petani tempatan menanam tanaman makanan seperti padi dan buah-buahan.<sup>59</sup> Hal ini demikian kerana, kerajaan NNMB melaksanakan dasar yang menjadikan

petani tempatan sebagai pengeluar hasil tanaman sumber makanan. Tujuannya adalah untuk mengekalkan sumber tenaga buruh, khususnya buruh India dan Cina dalam industri timah dan peladangan getah.<sup>60</sup> Kejatuhan harga pasaran getah dan timah sehingga mengakibatkan kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an bukan sahaja mempengaruhi kemerosotan kewangan kerajaan NNMB untuk mengimport produk makanan, bahkan golongan buruh tidak mampu untuk membeli beras.<sup>61</sup>

## Diversiti Pertanian Kolonial

Galakkan pertanian tropika oleh JEI mengakibatkan berlakunya diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu. Perkembangan bersifat komersial lebih dominan berlaku di NNMB yang merupakan pusat utama pertanian komersial kolonial di Tanah Melayu.<sup>62</sup> Jadual 1 membuktikan trend peningkatan pembukaan pertanian komersial di NNMB antara tahun 1926 hingga 1938. Data menunjukkan berlaku peningkatan pembukaan tanah untuk penanaman kelapa sawit, nanas dan kopi, manakala teh hanya berkembang sebagai tanaman komersial menjelang tahun 1930-an. Sungguhpun begitu, tiada data yang direkodkan Jabatan pertanian bagi tanaman kelapa dan teh oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1926.

**Jadual 1 Jumlah kawasan pertanian komersial di NNMB Tahun 1926 – 1938**

Jenis tanaman	1926	1931	1935	1938
Kelapa sawit	10,093	31,971	33,075	36,658
Nanas	4,724	6,292	9,525	11,395
Kelapa	Tiada data	239,730	249,645	251,586
Kopi	4,933	7,784	11,779	12,197
Teh	Tiada data	1,580	2,279	5,241
Getah	28,853	1,506,972	1,579,760	1,613,609

Sumber: Report of the Agricultural Economist for 1926, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. XV, No. 5, 1927. Federated Malay States, Report of the Rubber Restriction Department, for 1926

## Sawit

Perkembangan penanaman kelapa sawit yang mapan di Tanah Melayu merupakan kesan kegiatan penyelidikan yang dilaksanakan Jabatan Pertanian. Pihak jabatan telah memperkenalkan tanaman sawit jenis ‘*elaeis guincensis*’ dari Afrika Barat untuk disemai di NNMB.<sup>63</sup> Sehingga tahun 1929, Selangor merupakan pusat utama ladang komersial sawit di NNMB dengan 15 ladang sawit, manakala empat di Perak, dua di Negeri Sembilan dan satu di Pahang.<sup>64</sup> Kesan pembangunan tanaman sawit sejak tahun 1917, membawa kepada kejayaan eksport sebanyak 726 tan minyak sawit dan 180 isirong sawit pada tahun 1926 di Tanah Melayu. Nilai perdagangan daripada jumlah eksport

tersebut adalah sebanyak \$290,873. Jumlah eksport dan nilai perdagangan tersebut terus meningkat sehingga tahun 1929 kepada 1831 tan minyak sawit dan 266 isirong sawit dengan jumlah nilai eksport sebanyak \$537,811.<sup>65</sup>

Peningkatan jumlah dan nilai eksport minyak serta isirong sawit pada akhir tahun 1920-an juga disebabkan pengenalan benih sawit jenis Deli oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1924. Hasil penyelidikan pusat penyelidikan pertanian di Serdang mendapati benih sawit jenis Deli yang diambil dari Sumatera lebih sesuai ditanam di Tanah Melayu kerana kesesuaianya terhadap iklim dan keadaan geografi tempatan.<sup>66</sup> Pada tempoh ini juga tumpuan penyelidikan terhadap tanaman ini adalah untuk meningkatkan teknologi dan peralatan mengekstrak minyak serta pemecahan isirong sawit.<sup>67</sup> Tumpuan terhadap penyelidikan penyakit berkaitan serangan serangga dan kulat kurang diberi perhatian kerana pokok kelapa sawit mempunyai daya tahan yang kuat. Namun, Jabatan Pertanian tetap melakukan pengawasan untuk mengelakkan sebarang bentuk penularan penyakit dalam skala yang besar.<sup>68</sup> Sebaliknya, stesen penyelidikan di Serdang menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan strain benih sawit. Tujuannya adalah untuk meluaskan penanaman sawit diseluruh Tanah Melayu. Hasil kajian mendapati, percambahan benih sawit boleh dipercepatkan dengan meletakkannya pada lapisan pasir tulen yang ditutupi dengan bingkai kaca. Kaedah ini dapat meningkatkan suhu lapisan percambahan yang diperlukan benih. Hasil penyelidikan sawit di stesen Sedang mendapat perhatian daripada kerajaan Gold Coast dan Nigeria yang menghantar penyelidik mereka untuk mempelajari teknologi penanaman sawit di Tanah Melayu.<sup>69</sup>

Jadual 2 menunjukkan harga produk sawit dalam pasaran London pada bulan Mac 1924. Berdasarkan data tersebut, minyak sawit dan minyak isirung sawit merupakan komoditi yang mempunyai nilai tinggi dalam pasaran di London, iaitu dengan purata harga £42.75 untuk satu tan. Harga pasaran tinggi bagi produk sawit ini boleh dikaitkan dengan permintaannya dalam pelbagai industri pembuatan. Sifatnya yang tidak mempunyai asid lemak menjadikan produk sawit produk berkualiti dalam pembuatan sabun, lilin, minyak pelincir, kepingan timah dan bahan campuran dalam produk makanan. Namun, minyak sawit berkualiti tinggi mengalami kekurangan bekalan. Faktor ini menyebabkan harga pasarannya melonjak dan mendorong British membangunkannya sebagai antara komoditi utama dalam ekonomi eksport di NNMB.<sup>70</sup>

**Jadual 2 Harga produk sawit dalam pasaran London pada Mac, 1924**

Jenis produk	Harga untuk 1 tan (£)
Minyak sawit (Jenis Lagos)	40.5
Isirung sawit	20.0
Minyak isirung sawit	45.0
Inti isirung sawit	7.0

Sumber: B. Bunting & C.D.V. Georgi, Oil Palm in Malaya, *The Malayan Agricultural Journal*, hlm. 152

## Kelapa

Diversiti pertanian komersial kolonial di Tanah Melayu juga melibatkan perkembangan penanaman kelapa. Jabatan Pertanian berperanan melakukan penyelidikan terhadap penyakit bagi tanaman kelapa. Tujuannya adalah untuk meningkatkan hasil pengeluaran kelapa bagi memenuhi permintaan dalam pasaran United Kingdom.<sup>71</sup> Kesannya, kelapa kering dan minyak kelapa yang dihasilkan daripada kelapa yang berasal dari Tanah Melayu mempunyai tahap kualiti sehingga mendapat permintaan dalam kalangan pengusaha industri pembuatan di United Kingdom.<sup>72</sup> Selain itu, produk kelapa kering dari NNMB turut mendapat permintaan tinggi dalam pasaran negara asing yang lain. Pada tahun 1926, antara negara yang mengimport kelapa kering secara terus dari NNMB ialah Belanda (\$1,552,494), United Kingdom (\$1,182,561), Jerman (\$317,583), Sepanyol (\$232,188), Sweden (\$61,583) dan Amerika Syarikat (\$110).<sup>73</sup> Harga purata bagi kelapa kering pada tahun 1925 ialah \$12.15 untuk sepikul, tetapi mengalami sedikit penurunan pada tahun 1926 dengan kadar purata \$11.80.<sup>74</sup> Oleh sebab itu, pada tempoh tersebut, Jabatan Pertanian memberi tumpuan terhadap penyelidikan mengawal penyakit yang menyerang tanaman kelapa. Antaranya, penyakit yang menyerang putik.<sup>75</sup>

Kesan penyelidikan Jabatan Pertanian terhadap penyakit tanaman kelapa mempengaruhi peningkatan hasil pengeluaran dan nilai eksport kelapa kering seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Pada peringkat persekutuan, Perak merupakan pengeluar utama kelapa kering berbanding Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang merupakan pengeluar terkecil.<sup>76</sup> Secara keseluruhan, nilai eksport kelapa NNMB mencapai puncaknya pada tahun 1926 disebabkan berlakunya permintaan tinggi komoditi tersebut dalam pasaran Singapura.<sup>77</sup> Selain itu, harga pasarannya yang stabil turut mempengaruhi peningkatan nilai eksport kelapa kering NNMB. Pada tahun 1925 purata harga pasaran kelapa kering NNMB dalam pasaran Singapura adalah sebanyak \$12.15 sepikul. Bagaimanapun, harga tersebut turun kepada \$11.80 sepikul pada tahun 1926. Sungguhpun begitu, harga tertinggi sebanyak \$12.30 sepikul dicatatkan pada tahun 1926 dan kejatuhan purata harga tidak mempengaruhi hasil pengeluaran kelapa kering yang meningkat pada tahun tersebut berbanding tahun 1925 dan 1924.<sup>78</sup> Sebelum kemerosotan ekonomi pada tahun 1929, harga pasaran

kelapa kering berada pada sekitar \$10 hingga \$11 sepikul antara tahun 1927 hingga 1928, sebelum jatuh sekitar \$8 hingga \$9 sepikul pada tahun 1929.<sup>79</sup> Seterusnya, permintaan eksport kelapa dari NNMB terus mendapat permintaan menjelang tahun 1930-an khususnya dalam sektor pembuatan sabun di Eropah. Kedudukan ini merupakan kesan promosi kerajaan British terhadap produk pertanian Tanah Melayu dalam Pameran Maritim dan Kolonial Antarabangsa di Antwerp, Belgium pada tahun 1930.<sup>80</sup>

**Jadual 3 Hasil pengeluaran kelapa kering di NNMB Tahun 1924 -1926**

Negeri	Jumlah (tan)			Nilai eksport (\$)		
	1924	1925	1926	1924	1925	1926
Perak	38,545	40,007	44,542	6,914,055	7,830,274	8,905,033
Selangor	12,900	15,426	16,963	2,427,188	2,909,119	3,212,553
Negeri Sembilan	1,179	2,236	3,417	203,930	463,494	575,451
Pahang	560	315	907	95,839	57,412	158,733
Jumlah	53,184	57,984	65,829	9,641,012	11,260,299	12,851,770

Sumber: Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926, (ANM 2006/0013011).

## Teh

Kesan penyelidikan terhadap penanaman teh oleh Jabatan Pertanian turut menjadikan tanaman tropika tersebut sebagai salah satu diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu.<sup>81</sup> Melalui Jabatan Pertanian, kerajaan NNMB melakukan penyelidikan terhadap kesesuaian tanaman teh tanah rendah di Serdang, Selangor, manakala teh tanah tinggi di Cameron Highlands, Pahang. Hasil kajian awal oleh pihak Jabatan Pertanian kedua-dua jenis teh tersebut sesuai dibangunkan dan pada masa yang sama mempunyai nilai komersial untuk dipasarkan.<sup>82</sup> Bagi meningkatkan persiapan saintifik berkaitan penyelidikan teh, pada tahun 1930, Jabatan Pertanian telah menghantar pegawai pertaniannya ke Ceylon dan Assam, India bagi mengkaji kaedah penanaman dan persediaan teh oleh petani tempatan di kedua-dua wilayah tersebut.<sup>83</sup> Hasil kajian tersebut kemudiannya di laksanakan di NNMB pada awal tahun 1930-an. Antara tindakan yang dilaksanakan ialah pembangunan kilang teh di Tanah Rata, Cameron Highlands dengan mengikut model kilang di Ceylon dengan kos \$10 ribu. Kilang yang sama turut dibangunkan di Serdang dengan kos yang lebih tinggi iaitu \$19,849.45.<sup>84</sup> Kedua-dua kilang tersebut melaksanakan operasi penyediaan dan pembuatan produk teh mengikut kaedah yang dilaksanakan di Stesen Penyelidikan Teh Tocklai dan Ceylon.<sup>85</sup>

Penyelidikan teh oleh Jabatan Pertanian menghasilkan produk teh tanah rendah yang mempunyai kualiti hampir sama dengan produk dari Selatan India, manakala produk teh tanah tinggi pula mempunyai kualiti yang sama dengan produk dari Utara India. Pada sudut pasaran produk pula, teh tanah rendah dari Tanah Melayu mempunyai mutu yang lebih tinggi berbanding

produk sama dari Jawa dan Sumatera.<sup>86</sup> Tahap kualiti produk teh Tanah Melayu ini boleh dikaitkan dengan kejayaan Jabatan Pertanian mengawal serangan penyakit dan serangga terhadap pokok teh, serta faktor iklim yang sesuai bagi penanamannya.<sup>87</sup> Kesannya, menjelang tahun 1936, produk teh dari Serdang dan Cameron Highlands mula mendapat kedudukan yang kukuh dalam pasaran London.<sup>88</sup>

Jadual 4 memaparkan jumlah paun (lbs.) teh yang dieksport dari negeri-negeri Melayu ke United Kingdom menjelang Perang Dunia Kedua. Sehingga tahun 1939, terdapat tujuh syarikat dan pusat penanaman teh yang mendapat tumpuan dalam pasaran London. Kesemua eksport tersebut dikawal agihannya oleh kerajaan British sebagai langkah kawalan bekalan makanan ketika perang. Secara keseluruhannya, produk teh dari Boh Plantations dan Bukit Cheding di Cameron Highlands lebih mendapat permintaan tinggi dalam pasaran London.<sup>89</sup> Hal ini demikian kerana, penanaman teh tanah tinggi di Tanah Melayu, khususnya di Cameron Highlands mempunyai tahap kualiti tinggi dan dijual di pasaran London dengan harga yang mampu milik.<sup>90</sup> Bagaimanapun, pada tahun 1938, purata harga teh dari Cemerion Highlands di London adalah  $1\frac{1}{2}^{\text{d}}$ , iaitu lebih mahal berbanding produk sama dari Selatan India dengan kadar purata sebanyak  $1\frac{1}{2}$  d.<sup>91</sup>

**Jadual 4 Jumlah eksport teh dari Tanah Melayu dalam pasaran London tahun 1939**


Syarikat / Estet	Jumlah eksport (lbs.)	Nilai eksport (£)
Boh Plantations	140,000	8,700
Bukit Cheding	160,000	8,300
Carey	52,000	2,650
Serdang	30,000	1,510
Tanah Rata	27,000	1,680
Sungei Palas	40,000	2,370
Bigia (Kedah)	90,000	4,250
Jumlah	539,000	29,460

Sumber: CO 576/68, Report on the Malayan Administration of the Malayan Information Agency for the Year 1939.

Pengeluaran teh di Tanah Melayu turut dipengaruhi usaha manipulasi harga pasarannya pada peringkat global. Pada tahun 1930, persatuan pengeluar teh di India, Ceylon dan Hindia Timur Belanda yang merupakan pengeluar utama teh untuk pasaran global secara sukarela membentuk Perjanjian Teh Antarabangsa.<sup>92</sup> Tujuannya adalah untuk mengawal harga pasaran teh yang merosot disebabkan lebihan bekalan, namun perjanjian ini hanya bertahan selama setahun.<sup>93</sup> Pada tahun 1933, ketiga-tiga negara sekali lagi membentuk perjanjian yang sama bagi mengurangkan eksport sehingga 15 peratus daripada hasil pengeluaran bagi tempoh lima tahun.<sup>94</sup> Pada tahun yang sama, Jawatankuasa Teh Antarabangsa yang mengkoordinasi Perjanjian Teh Antarabangsa meminta pertimbangan Pejabat Kolonial supaya langkah kawalan sama dapat dilaksanakan di Tanah Melayu.<sup>95</sup> Faktor keluasan 2,360 ekar ladang teh di Tanah Melayu dan

kebanyakannya merupakan ladang kerajaan mempengaruhi keputusan Pejabat Kolonial untuk melaksanakan komitmen Perjanjian Teh Antarabangsa di Tanah Melayu.<sup>96</sup> Walau bagaimanapun, NNMB hanya mula melaksanakan kawalan teh pada tahun 1936. Model undang-undang kawalan dari Ceylon digunakan bagi menggubal Enakmen Kawalan Teh 1936. Melalui enakmen ini, kerajaan NNMB melakukan kawalan terhadap penanaman teh di kawasan baharu dan menghalang eksport benih teh. Tambahan pula, klausa 3 enakmen tersebut hanya membenarkan penanaman teh yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.<sup>97</sup> Berdasarkan enakmen tersebut, British melaksanakan kawalan penanaman teh di seluruh Tanah Melayu dengan mengehadkan kawasan penanaman baharu teh dengan tidak melebihi 3 ribu ekar.<sup>98</sup> Kawalan ini diteruskan sehingga tahun 1938, apabila had kawasan penanaman teh dihadkan kepada 6 ribu ekar sehingga tahun 1938.<sup>99</sup>

Data hasil pengeluaran teh dalam Rajah 2 merupakan kesan permintaan teh dari Tanah Melayu dalam pasaran London dan penglibatan NNMB dalam Perjanjian Teh Antarabangsa pada tahun 1936. Secara keseluruhannya berlakunya trend peningkatan hasil teh tanah tinggi dan teh tanah rendah sejak tahun 1933 hingga 1938. Namun, kawalan teh yang dilaksanakan sejak tahun 1936 oleh kerajaan NNMB, hanya mempengaruhi penurunan jumlah eksport teh pada tahun tersebut.<sup>100</sup> Oleh itu, operasi 10 estet yang menanam ‘*black tea*’ di NNMB kekal beroperasi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan di London.<sup>101</sup> Penghasilan teh tanah tinggi perlahan disebabkan, Jabatan Pertanian hanya memulakan pasaran komersialnya pada tahun 1932, manakala teh tanah rendah pesat dipasarkan untuk penggunaan tempatan dan eksport sejak tahun 1930.<sup>102</sup> Jumlah penggunaan tempatan adalah merujuk kepada jumlah teh tempatan yang dijual dalam pasaran Tanah Melayu.



Rajah 2: Jumlah hasil pengeluaran teh Tanah Melayu Tahun 1933 – 1938 (lbs.)

Sumber: D.H. Grist, *The Malayan Tea Industry in 1938*, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. XXVII, No. 4, 1939, hlm. 132.

Data dalam Rajah 2 turut menunjukkan bahawa jumlah teh tempatan lebih rendah dijual dalam pasaran tempatan berbanding jumlah eksportnya yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, British membawa masuk import ‘black tea’ dan hijau bagi memenuhi permintaan pengguna tempatan.<sup>103</sup> Berbanding ‘black tea’, teh hijau merupakan produk yang menjadi tumpuan pengguna Cina di Tanah Melayu.<sup>104</sup> Peningkatan hasil pengeluaran teh pada tahun 1938 adalah disebabkan tindakan pentadbir British di Tanah Melayu yang menamatkan komitmen NNMB dengan Perjanjian Teh Antarabangsa. Hal ini demikian kerana, Shenton Thomas, Pesuruhjaya Tinggi British mengkehendaki supaya penanaman teh diperluaskan lagi di Tanah Melayu kerana wujudnya permintaan tinggi dalam pasaran di London.<sup>105</sup>

## Kesimpulan

Artikel ini membuktikan kawalan British terhadap perkembangan ekonomi Tanah Melayu bukan hanya terbatas pada peringkat legislatif sahaja. Penelitian terhadap peranan Jabatan Pertanian sering terbatas dalam konteks sumbangannya terhadap pembangunan tanaman komersial di Tanah Melayu. Justeru, artikel ini meluaskan sudut pandang terhadap peranan Jabatan Pertanian sebagai alat kawalan terhadap pembangunan tanaman komersial yang diperlukan British bagi memacu sektor perindustriannya. Perubahan

struktur pentadbiran Jabatan Pertanian Tanah Melayu sehingga tahun 1929 membuktikan usaha British memastikan dasar pembangunan tropika dan usaha mempercepatkan hasil pengeluaran bahan mentah berlaku di Tanah Melayu. Usaha-usaha ini merupakan manifestasi dasar ekonomi imperial oleh Joseph Chamberlain yang bersifat neomerkantilisme. Malahan, diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu sebenarnya tidak bebas, tetapi ditentukan dan dikawal kerajaan British melalui Jawatankuasa Ekonomi Imperial.

Kesan usaha penyelidikan dan galakan tanaman tropika oleh Jabatan Pertanian menghasilkan diversiti pertanian kolonial yang berkualiti tinggi. Bagaimanapun, peladangan sawit dan teh yang mempunyai nilai pasaran tinggi lebih didominasi oleh peladang Eropah. Sementara, peladangan kelapa dikembangkan oleh petani tempatan.<sup>106</sup> Kepentingan diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu bukan sahaja untuk menyediakan bekalan bahan mentah, tetapi juga untuk menyediakan produk makanan yang murah untuk British. Oleh sebab itu, berlaku perubahan trend perdagangan United Kingdom dengan Tanah Melayu sejak pertengahan tahun 1920-an. British mula mengutamakan eksport produk tropika selain getah dari Tanah Melayu, manakala mengawal import asing ke Tanah Melayu dengan memberi keutamaan terhadap import empayar.<sup>107</sup>

### **Nota Akhir**

1. L. Gardner & Tirthankar Roy, *The Economic History of Colonialism*, 2020, hlm. 78.
2. “The True Conception of Empire” A speech by the Colonial Secretary, Joseph Chamberlain, at the Annual Royal Secretary Institute Dinner, 31 March 1897, Dlm., J. H. Wiener (ed.), *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*, 1972, hlm. 2518.
3. S.R. Ashton & S.E. Stockwell, *Imperial Policy and Colonial Practice 1925-1945*, 1996, hlm. xi.
4. Speech by Joseph Chamberlain at St. Andrew’s Hall, Glasgow, Advocating Tariff Reform and a System of Imperial Preference, 6<sup>th</sup> October 1903, Dlm., J. H. Wiener (ed.), 1972, hlm. 2844-2845.
5. Martin Khor Kok Peng, *The Malaysian Economy: Structures and Dependence*, 1983, hlm. 36.
6. Merujuk kepada jajahan atau negara dalam empayar British yang diberikan status setaraf dengan United Kingdom dan mempunyai autonomi sendiri serta tidak subordinat kepada United Kingdom. Sejak tahun 1926, Dominion juga turut dikenali sebagai Negara-Negara Komanwel British. Antaranya, Kanada, Australia dan New Zealand. Setelah Statut Westminster dikuatkuasakan pada tahun 1931, Dominion mempunyai kuasa menggubal perlembagaannya

- sendiri.
7. S.R. Ashton & S.E. Stockwell, *Imperial Policy and Colonial Practice 1925-1945*, 1996, hlm. xi.
  8. Jomo K.S., *Growth and Structural Change in the Malaysian Economy*, 1990, hlm. 9.
  9. J.H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, 2000, hlm. 137.
  10. Lim Teck Ghee, *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*, 1976, hlm. ix.
  11. Isu ini telah banyak dikupas oleh pengkaji lepas. Antara penulisan terkini berkaitannya ialah K. Ronnback, O. Broberg & S. Galli, *A Colonial Cash Cow: The Return on Investment in British Malaya*, 2022. Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin, *Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1900-1913)*, 2017.
  12. Hujahan ini diutarakan dalam penulisan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, *Strategi Pengawalan Serangga Perosak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940*, 2022.
  13. J.H. Drabble, *Some Thoughts on the Economic Development of Malaya under British Administration*, 1974, hlm. 205.
  14. Lihat perbincangan Mohd Shazwan Mokhtar, Mohd Samsudin & Suffian Mansor, *Pengunduran Perdagangan Bebas British dan Kebangkitan Neomerkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1926-1939*, 2021, hlm. 180.
  15. S. Constantine, *The Making of British Colonial Development Policy 1014-1940*, 1984, hlm. 31 & 164. Lihat juga I. M. Drummond, *Imperial Economic Policy 1917-1939: Studies in Expansion and Protection*, 1974, hlm. 33.
  16. T 176/11, Empire Development, Imperial Economic Conference, 1923.
  17. PRO 30/69/687, Imperial Economic Conference, 1924.
  18. New Zealand, Conference of Prime Minister and Representative of the United Kingdom, the Dominion, and India, *Journals of the House of Representatives*, Session II Appendix, A-04, 1921, hlm. 41.
  19. Lihat kupasan terperinci dalam penulisan Mohd Shazwan Mokhtar, *Agenda Imperialis dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925*, 2019.
  20. CO885/29/8, Colonial Office Conference, 1927.
  21. Ibid.
  22. Ibid.
  23. Ibid.
  24. Ibid.
  25. Ibid.

26. HCO 1466/1930, Imperial Economic Committee Seventeenth Report.
27. Sel. Sec. 2613/1925, Appointment of an Imperial Economic Committee to enquire into question connected with the marketing of oversea produce in the United Kingdom, 1925.
28. Ibid.
29. Ibid.
30. PRO 30/69/687, Imperial Economic Conference, 1924.
31. Lihat Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, 1977, hlm. 139.
32. Ibid., hlm. 155-159.
33. CO 717/25, Financial Position, 20 January 1922.
34. BT 60/6/1, Imperial Economic Conference, Department of Overseas Trade (Trade Development and Intelligence), 1922.
35. Ibid.
36. T 176/11, Empire Development, 1923.
37. Imperial Conference, *The Straits Times*, 4 October 1923.
38. CO 717/3, Laurence Guillemard, High Commissioner to Viscount Milner, Colonial Office, 17 July 1920.
39. CO 885/29/8, Colonial Conference, 1927, Summary of Proceedings.
40. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 16 & 17 November 1927.
41. FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 17 June 1929.
42. Lihat perbincangan terperinci Khoo Kay Kim, Developments Relevant to Malayan Agriculture in the Post-Rubber Crises Era (1920-1921), *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 72, No. 2, 1999, hlm. 30-35.
43. FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 16 & 17 November 1927.
44. Imperial Agricultural Research Conference, 1927, *Agricultural Research in the Overseas Empire*, hlm. 75.
45. Lihat penulisan G. K. Pakiam, “Not the Oil of the Country”: Smallholders and British Malaya’s Oil Palm Industry, 1929-1941, *Agricultural History*, Vol. 95, No. 1, 2021.
46. Editorial, Film Propaganda, *The Malayan Agricultural Journal*, 1930, Vol. XVIII, No. 2, hlm. 62.
47. Anon, Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, *The Malayan Agricultural Journal* Vol. XV, No. 5, 1927, hlm. 145-146.
48. Ibid.
49. FMS, Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1928.
50. CO 717/83, Department of Agriculture Reorganisation Proposal, 1931.

51. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1928.
52. FMS, Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1932.
53. FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 28 February 1927.
54. CO 576/41, Annual Report of the Department of Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the Year 1930.
55. Ibid.
56. Anon, The Present Economic Condition of the Coconut and Other Oil-Producing Industries, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. XXII, No. 11, 1934, hlm. 405.
57. FMS, Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1932.
58. CO 576/41, Annual Report of the Department of Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the Year 1930.
59. Ibid.
60. P. H. Kratoska, Rice Cultivation and the Ethnic Division of Labor in British Malaya, *Comparative Studies in Society and History*, Vol. 24, No. 2, 1982, hlm. 298.
61. FMS, Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1936.
62. CO 576/41, Annual Report of the Department of Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1930.
63. B. Bunting & C.D.V. Georgi, Oil Palm in Malaya, 1924, hlm. 146.
64. Ibid.
65. Data ini turut melibatkan hasil pengeluaran yang dieksport dari negeri Johor dan Kedah. D.H. Grist, Malayan Oil Palm Industry in 1929, 1930, hlm. 349.
66. B. Bunting & C.D.V. Georgi, Oil Palm in Malaya, 1924, hlm. 146.
67. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926.
68. B. Bunting & C.D.V. Georgi, Oil Palm in Malaya, 1924, hlm. 148.
69. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926.
70. B. Bunting & C.D.V. Georgi, Oil Palm in Malaya, 1924, hlm. 151-152.
71. Editorial, Coconuts, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. XVIII, No. 2, 1930, hlm. 61.
72. CO 576/67, Report of the Malaya Court at the Empire Exhibition, Glasgow, 1938, by the officer-In-Charge.
73. FMS, Report on the Trade and Customs Department for the Year 1926, 1927.

74. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926.
75. Ibid.
76. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926.
77. FMS, Report on the Trade and Customs Department for the Year 1926, 1927.
78. FMS, Annual Report for 1926.
79. FMS, Annual Report for 1928. FMS, Annual Report for 1929.
80. Anon, Malayan Agriculture at the International Maritime and Colonial Exhibition, Atwerp, 1930, 1930, hlm. 464.
81. FMS, Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the Year 1928.
82. Ibid.
83. FMS, Annual Report on the Department of Agriculture S.S. and F.M.S. for the Year 1929.
84. FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 31 October & 1 November 1932, B114.
85. Ibid., B115.
86. CO 576/50, Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1934, FMS Government Press, Kuala Lumpur, 1935.
87. Ibid.
88. FMS, Report on the Administration of the Malayan Information Agency for the Year 1936.
89. CO 576/68, Report on the Malayan Administration of the Malayan Information Agency for the Year 1939.
90. Ibid.
91. Ibid.
92. HCO S of S 1363/1937, Imperial Economic Committee's publication entitled "Plantation Crops – a summary of figures or production and trade relating to Sugar, Tea, Coffee, Cocoa, Spices, Tobacco and Rubber, September 1937".
93. Lihaturaian terperinci dalam penulisan, Bishnupriya Gupta, The International Tea Cartel During the Great Depression, 1929-1933, *The Journal of Economic History*, Vol. 61, No.1, 2001, hlm. 144-159.
94. Ibid., hlm. 148.
95. Lihat perbincangan kandungan Perjanjian Teh Antarabangsa dalam, Anon, Memorandum on the International Agreement Regulating the Export of Tea, *American Council Institute of Pacific Relations*, Vol. 3, No. 16, 1934.
96. CO 717/101, Tea Industry in Malaya, 1933.
97. CO 576/54, FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal

- Council, 4 & 6 November 1936, B100.
98. Ibid.
99. FMS, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 29 November & 1 December 1938, B76.
100. D.H. Grist, The Malayan Tea Industry in 1938, 1939, hlm. 132.
101. FMS, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1936, hlm. 37.
102. D.H. Grist, The Malayan Tea Industry in 1938, hlm. 132.
103. Ibid., hlm. 133.
104. CO 852/94/14, Economic Survey of the Colonial Empire, Federated Malay States, 1937.
105. Malaya and Tea Control Agreement, *Malaya Tribune*, 1 July 1938.
106. Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, Strategi Pengawalan Serangga Perosak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940, 2022, hlm. 49-50.
107. Memorandum on the Trade and Tariff of British Malaya, *Memorandum (Institute of Pacific Relations, American Council)*, 1934.

## Rujukan

- Anon. 1927. Annual Report of the Chief Field Officer for 1926. *The Malayan Agricultural Journal* XV(5): 135-151.
- Anon. 1930. Malayan Agriculture at the International Maritime and Colonial Exhibition, Antwerp, 1930. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII (9): 464-466.
- Anon. 1934. Memorandum on the International Agreement Regulating the Export of Tea, *American Council Institute of Pacific Relations* 3(16).
- Anon. 1934. The Present Economic Condition of the Coconut and Other Oil-Producing Industries. *The Malayan Agricultural Journal* XXII (11): 405- 436.
- Ashton, S.R. & Stockwell, S.E. 1996. *Imperial Policy and Colonial Practice 1925-1945*. Series A, Vol. 1. London: HMSO.
- BT 60/6/1. 1922. Imperial Economic Conference, Department of Overseas Trade (Trade Development and Intelligence).
- Bunting, B. & Georgi, C.D.V. 1924. Oil Palm in Malaya. *The Malayan Agricultural Journal* XII(6 & 7): 145- 153.
- CO 576/50. 1935. Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1934. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- CO 576/54. 1936. FMS. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 4 & 6 November.
- CO 576/67. 1938. Report of the Malaya Court at the Empire Exhibition, Glasgow, 1938, by the officer-In-Charge.

- CO 576/68. 1940. Report on the Malayan Administration of the Malayan Information Agency for the Year 1939.
- CO 717/101. 1933. Tea Industry in Malaya.
- CO 717/25. 1925. Financial Position, 20 January.
- CO 717/3. 1920. Laurence Guillemard, High Commissioner to Viscount Milner, Colonial Office, 17 July.
- CO 717/83, Department of Agriculture Reorganisation Proposal, 1931.
- CO 852/94/14. 1937. Economic Survey of the Colonial Empire. Federated Malay States.
- CO 885/29/8. 1928. Colonial Conference, 1927, Summary of Proceedings.
- CO576/41. 1931. Annual Report of the Department of Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1930.
- CO885/29/8. 1927. Colonial Office Conference, 1927: Summary of Proceedings. London: HMSO.
- Constantine, S. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*. London: Frank Cass.
- Drabble, J.H. 1974. Some Thoughts on the Economic Development of Malaya under British Administration. *Journal of Southeast Asian Studies* 5(2): 199-208.
- Drabble, J.H. 2000. *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*. Hampshire: Macmillan Press Ltd.
- Drummond, I. M. 1974. *Imperial Economic Policy 1917-1939: Studies in Expansion and Protection*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Editorial. 1930. Coconuts. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII (2): 61-62.
- Editorial. 1930. Film Propaganda. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII (2): 62.
- FMS. 1927. Annual Report for 1926. Kuala Lumpur: FMS Government Printing Office (ANM 2006/0013011).
- FMS. 1927. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1926. (ANM 2006/0013011).
- FMS. 1927. Report on the Trade and Customs Department for the Year 1926.
- FMS. 1927. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 16 & 17 November.
- FMS. 1927. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 28 February.
- FMS. 1929. Annual Report for 1928. Kuala Lumpur: FMS Government Printing Office. (ANM 2006/0013014).
- FMS. 1929. Annual Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1928. (ANM 2006/0013014).
- FMS. 1929. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 17 June.

- FMS. 1930. Annual Report for 1929. Kuala Lumpur: FMS Government Printing Office.
- FMS. 1930. Annual Report on the Department of Agriculture S.S. and F.M.S. for the Year 1929. Kuala Lumpur: FMS Government Press. (ANM 2006.0013016).
- FMS. 1931. Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1932. (ANM 2006/0013024).
- FMS. 1932. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 31 October & 1 November.
- FMS. 1933. Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1932. (ANM 2006/0013024).
- FMS. 1937. Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1936. (ANM 2006/0013033).
- FMS. 1937. Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1936. Kuala Lumpur: FMS Government Press. (ANM 2006/0013033).
- FMS. 1937. Report on the Administration of the Malayan Information Agency for the Year 1936.
- FMS. 1938. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 29 November & 1 December.
- Gardner, L. & Roy, Tirthankar. 2020. *The Economic History of Colonialism*. Bristol: Bristol University Press.
- Grist, D.H. 1930. Malayan Oil Palm Industry in 1929. *The Malayan Agricultural Journal* XVIII (7): 347-349.
- Grist, D.H. 1939. The Malayan Tea Industry in 1938. *The Malayan Agricultural Journal* XXVII (4): 129-138.
- Gupta, B. 2001. The International Tea Cartel During the Great Depression, 1929-1933. *The Journal of Economic History* 61(1): 144-159.
- HCO 1466/1930. 1930. Imperial Economic Committee Seventeenth Report. Progress Report.
- HCO S of S 1363/1937. 1937. Imperial Economic Committee's publication entitled "Plantation Crops – a summary of figures or production and trade relating to Sugar, Tea, Coffee, Cocoa, Spices, Tobacco and Rubber, September 1937". (ANM 1957/0613719).
- Imperial Agricultural Research Conference, 1927. 1927. *Agricultural Research in the Overseas Empire*. London: HMSO.
- Imperial Conference. 1923. *The Straits Times*, 4 October.
- Jomo, K.S. 1990. *Growth and Structural Change in the Malaysian Economy*. Hampshire: The Macmillan Press Ltd.
- Khoo, Kay Kim. 1999. Developments Relevant to Malayan Agriculture in the Post-Rubber Crises Era (1920-1921). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 72(2): 17-47.

- Khor, M.K.P. 1983. *The Malaysian Economy: Structures and Dependence*. Penang: Institut Masyarakat & Third World Network.
- Kratoska, P. H. 1982. Rice Cultivation and the Ethnic Division of Labor in British Malaya *Comparative Studies in Society and History* 24(2):280-314.
- Lim, Teck Ghee. 1976. *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malaya and Tea Control Agreement. 1938. *Malaya Tribune*, 1 July.
- Memorandum on the Trade and Tariff of British Malaya. 1934. *Memorandum (Institute of Pacific Relations, American Council)* 3(10).
- Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2022. Strategi Pengawalan Serangga Perosak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49(1): 44-64.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Mohd Samsudin & Suffian Mansor. 2021. Pengunduran Perdagangan Bebas British dan Kebangkitan Neomerkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1926-1939 *Akademika* 91(3): 171-189.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2017. Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1900-1913). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 44(2): 1-26.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2019. Agenda Imperialis dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46(2): 28-55.
- New Zealand. 1921. Conference of Prime Minister and Representative of the United Kingdom, the Dominion, and India, *Journals of the House of Representatives*, Session II Appendix, A-04.
- Pakiam, G. K. 2021. “Not the Oil of the Country”: Smallholders and British Malaya’s Oil Palm Industry, 1929-1941. *Agricultural History* 95(1): 69-103.
- PRO 30/69/687. 1924. Imperial Economic Conference.
- Ronnback, K., Broberg, O. & Galli, S. 2022. A Colonial Cash Cow: The Return on Investment in British Malaya *Cliometrica* 16:149-173.
- Sel. Sec. 2613/1925. 1925. Appointment of an Imperial Economic Committee to enquire into question connected with the marketing of oversea produce in the United Kingdom.
- T 176/11. 1923. Empire Development, Imperial Economic Conference.
- Wiener, J. H. (ed.). 1972. *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*. New York: Chelsea

### **Nota Biografi**

Mohd Shazwan Mokhtar, PhD (msm@ukm.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah ekonomi, sejarah global dan sejarah Malaysia. Projek penyelidikan dan penulisan terkini beliau boleh diakses di [https://ukmsarjana.ukm.my/main/lihat\\_profil/SzAyMTA5OQ==](https://ukmsarjana.ukm.my/main/lihat_profil/SzAyMTA5OQ==)

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan PhD penulis yang ditaja Skim SLAB oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian turut dibantu Geran Kursi Endowmen MPOB-UKM (EP-2019-046). Data dan sumber kajian dikumpul dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara United Kingdom dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd., Dr. Suffian, Prof. Madya Dr. Azlizan dan semua pihak yang membantu menjayakan kajian ini.